



SETIAUSAHA

Secretary

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Public Services Commission Malaysia

ARAS 13, BLOK F1, KOMPLEKS F

NO. 2, LEBUH PERDANA TIMUR A, PRESINT 1

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62000 PUTRAJAYA

Telefon: 03-8091 9000

Laman Web: <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami : SPA.PK.726/1 JLD.8 (16)

Tarikh : 7 September 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENARIKAN BALIK PEWAKILAN KUASA UNTUK MELANTIK JAWATAN-JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA GRED YANG SETARA DENGAN GRED 19 DI BAWAH SURAT CARA PEWAKILAN KUASA 1997 [P.U.(B)189/1997]

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bil.9/2023 (3020) pada 3 April 2023 telah memutuskan supaya pewakilan kuasa kepada Ketua-Ketua Kementerian/Jabatan melalui surat cara pewakilan kuasa 1997 [P.U.(B) 189/1997] untuk melantik jawatan-jawatan dalam Kumpulan Pelaksana gred yang setara dengan gred 19 di bawah bidang kuasa perkhidmatan awam am Persekutuan ditarik balik dan dilaksanakan semula oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berkuat kuasa mulai **3 April 2023**.

3. Keputusan ini adalah selaras dengan penarikan balik pewakilan kuasa untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen jawatan-jawatan Kumpulan Pelaksana yang setara dengan Gred 1 hingga 16 di bawah surat cara pewakilan kuasa 1997 [P.U.(B)496/1997] mulai 1 April 2014.

4. Bagi melaksanakan keputusan tersebut, beberapa kaedah telah diputuskan seperti berikut:

(a) semua urusan pengambilan bermula dari iklan, tapisan, temu duga dan tawaran pelantikan yang terlibat akan dilaksanakan sepenuhnya oleh SPA;

(b) sebarang urusan pengambilan ke jawatan-jawatan Kumpulan Pelaksana gred setara dengan gred 19 yang masih belum selesai

sekiranya ada pada tarikh keputusan Suruhanjaya hendaklah diserahkan sepenuhnya untuk dikendalikan oleh SPA; dan

- (c) permohonan pengisian jawatan yang terlibat hendaklah dikemukakan kepada SPA melalui Sistem ePengisian 2.0 seperti dinyatakan di dalam Surat Pekeliling SPA Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 4 Januari 2023.


5. Sebarang pertanyaan berhubung surat edaran ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pengambilan Khas, SPA di talian 03-8091 9274 atau e-mel kepada nurafizah@spa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "IHB". It consists of two large loops on the left and a vertical line with a small loop on the right.

(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)